



كردان نكر في قبح الالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



KEDAH SEJAHTERA

NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami :

Tarikh :

PPNK.BN 100-1/9/4(61)

12 September 2024

08 Rabiulawal 1446

**Semua Pegawai Pengawal  
Jabatan Kerajaan Negeri  
Kedah Darul Aman**

YB Dato' Seri/S.S Dato' Paduka/Y.A.A Dato'/YBhg. Dato' Wira/YB Dato'/YBhg.  
Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI iSPEKS BIL. 2 TAHUN 2024 – PENAMBAHBAIKAN  
LAPORAN BUKU PANJAR WANG RUNCIT DI MODUL PENGURUSAN TUNAI  
(CM) DAN PERSEDIAAN *DEPLOYMENT***

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penambahbaikan Laporan Buku Panjar Wang Runcit di Modul Pengurusan Tunai (CM) akan dilaksanakan bagi mengatasi isu ketidaktepatan amaun baki dibawa ke hadapan dalam Laporan Buku Panjar Wang Runcit. Oleh itu, dipohon YB Dato' Seri/S.S Dato' Paduka/Y.A.A Dato'/YBhg. Dato' Wira/YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk menyediakan proses rekupmen sebelum 20 September 2024.

3. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan Surat Arahan Operasi yang menghuraikan dengan lebih terperinci berkenaan persediaan ***deployment Change Request (CR)*** serta tindakan-tindakan melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ), Bendahari Negeri, Vendor dan BKP JANM. Surat Arahan Operasi ini turut memaklumkan mengenai penetapan tarikh ***cut-off*** dan tempoh ***blackout period*** yang perlu dipatuhi dalam menjayakan *deployment* ini serta soalan-soalan lazim (**seperti Lampiran**).

...2/-

Ruj. Kami : PPNK.BN 100-1/9/4(61)

4. Bersama dengan surat ini juga disertakan Jadual Pelaksanaan yang mengandungi tarikh dan senarai tindakan meliputi 3 (tiga) fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas *deployment*.

5. Adalah dipohon pihak YB Dato' Seri/S.S Dato' Paduka/Y.A.A Dato'/YBhg. Dato' Wira/YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk melengkapkan **jadual Maklumat Baki Akhir panjar di pautan yang akan diberikan kemudian sebelum atau pada 22 September 2024.**

6. Kerjasama dan perhatian dari pihak YB Dato' Seri/S.S Dato' Paduka/Y.A.A Dato'/YBhg. Dato' Wira/YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan Amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, AMK., CA(M)., CPA(M))**

Bendahari Negeri

b.p YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri




Tel : 04-7027735/7789/7790/7847/7791

Email : [pkpk\\_akruan@kedah.gov.my](mailto:pkpk_akruan@kedah.gov.my)

s.k. YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

### Soalan-Soalan Lazim (FAQ):

Bil	Soalan	Jawapan
1	Selepas <i>deployment</i> ini, adakah isu ketidaktepatan baki dalam format lama Laporan Buku Panjar Wang Runcit masih berlaku bagi tahun kewangan 2024?	<p>Ya. Memandangkan <i>deployment</i> yang dilaksanakan adalah melibatkan pembangunan laporan format baru maka isu ketidaktepatan baki pada format lama dijangka masih berlaku.</p> <p>Justeru itu, semua PTJ diingatkan untuk menyemak Laporan Buku Panjar Wang Runcit (format lama) dan sekiranya berlaku ketidaktepatan baki dalam laporan, PTJ hendaklah segera log supaya vendor dapat membuat pembetulan pada laporan. Ini juga bagi memastikan agar PTJ dapat melaksanakan proses penutupan panjar pada akhir tahun tanpa ralat.</p>
2	Adakah format baru akan memaparkan tarikh transaksi dari 01.01.2024 sehingga 31.12.2024?	Tidak. Fomat baru hanya akan memaparkan transaksi bermula dari baki awal pada tarikh <i>cut-off</i> sehingga 31.12.2024.
3	Bagi tujuan pengauditan tahun kewangan 2024, format Laporan Buku Panjar Wang Runcit yang manakah perlu dijana, diselenggara dan disahkan?	Format lama kerana laporan tersebut memaparkan transaksi lengkap secara keseluruhan bermula dari 01.01.2024 sehingga 31.12.2024.
4	Sekiranya laporan format lama dan format baru dijana pada 31.12.2024, adakah butiran Baki Tunai Di Tangan pada muka surat terakhir Laporan Buku Panjar Wang Runcit memaparkan amaun yang sama?	Ya, kedua-dua format laporan ini akan memaparkan amaun yang sama pada butiran Baki Tunai Di Tangan selaras dengan jumlah apungan panjar yang telah diluluskan.
5	Sekiranya kita berada pada tahun kewangan 2025 dan ingin	Bagi menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit bagi tahun kewangan 2025 dan ke atas, laporan format baru

	<p>menjana laporan buku tunai panjar wang runcit tahun 2025, apakah pilihan laporan yang ada pada senarai carian (<i>dropdown</i>)?</p> <p>akan dijana secara automatik. Skrin tidak akan memaparkan pilihan format laporan.</p> 
<p>6 Sekiranya kita berada pada tahun 2025 dan ingin menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit tahun kewangan 2024, apakah pilihan laporan yang ada pada senarai carian (<i>dropdown</i>)?</p>	<p>Pilihan format laporan lama dan format baru.</p> 
<p>7 Sekiranya kita berada pada tahun 2025 dan ingin menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit tahun 2023 dan tahun sebelum, apakah pilihan laporan yang ada pada senarai carian (<i>dropdown</i>)?</p>	<p>Pilihan format lama dan format baru. Namun demikian, pengguna hendaklah memilih format lama untuk menjana laporan untuk melihat keseluruhan bermula dari 01.01.2024 sehingga 31.12.2024.</p> <p>Sekiranya memilih laporan format baru, laporan yang dijana tidak akan memaparkan sebarang transaksi (laporan kosong) memandangkan <i>deployment</i> dilaksanakan pada tahun 2024.</p> 

## 1) SEBELUM BLACKOUT PERIOD

- i. PTJ selesaikan aktiviti panjar dalam sistem iSPEKS
- ii. Cut-off data baki panjar BN/PTJ semak laporan yang melibatkan panjar di CM/GL

20.09.2024

## 2) SEMASA BLACKOUT PERIOD

- iii. PTJ mengemukakan maklumat baki panjar kepada BN
- iv. BN mengumpul dan menyelaraskan maklumat baki panjar bagi semua PTJ dan kemukakan kepada BKP JANM.

23.09.2024 - 27.09.2024

- vi. PTJ jana Laporan Buku Tunai Panjar (Baru), semak baki awal panjar dan seterusnya buat pengesahan baki kepada BN
- vii. BN melaporkan status pengesahan baki awal panjar PTJ kepada BKP JANM
- viii. Semakan dan tindakan lanjut oleh BKP JANM dan Vendor (jika ada isu berbangkit).

30.09.2024 - 6.10.2024

## 3. SELEPAS BLACKOUT PERIOD

- i. Fungsi panjar dinyahaktif dalam sistem iSPEKS
- ii. Blackout period bermula


21.09.2024

- v. Deployment dan migrasi data

27.09.2024 - 29.09.2024

- v. Fungsi panjar diaktifkan dalam sistem iSPEKS. blackout period tamat.

07.10.2024



## MAKLUMAT BAKI AKHIR PANJAR

(Lengkap dipautan yang akan diberikan)

BIL	NEGERI	NAMA PTJ	KOD JABATAN	KOD PTJ	JENIS PANJAR (Panjar Wang Runcit atau Panjar Khas)	NO. KAD KECIL	BAKI TUNAI PANJAR PADA TARIKH CUT- OFF 20.09.2024 (RM)
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							
11							
12							
13							
14							
15							

Sila tambah row jika tidak mencukupi